

02 SEP 1997

Britain-Myanmar

PERCANGGAHAN ASEAN-EROPAH MENGENAI MYANMAR BOLEH DIATASI

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Percanggahan antara Asean dan Eropah mengenai penyertaan Myanmar pada Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang kedua di London tahun depan boleh diatasi melalui "perbincangan secara jujur dan terbuka."

Peter Kilfoyle, Setiausaha Parlimen di Pejabat Kabinet Britain berkata mementad menjadi kelaziman bagi kedua-dua rantau menyelesaikan percanggahan melalui cara eperti itu.

"Saya berpendapat jawapannya mudah sahaja. Perkara seperti itu biasanya diselesaikan melalui rundingan secara jujur dan terbuka," kata beliau pada persidangan berita di Suruhanjaya Tinggi Britain di sini hari ini.

Kilfoyle mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Asean mungkin memutuskan untuk tidak menghadiri ASEM jika Kesatuan Eropah (EU) melarang Myanmar menghadirinya.

"Jika berlaku diskriminasi terhadap Myanmar, ia juga dikcriminasi terhadap Asean. Anda mungkin mendapati negara lain dalam Asean juga memutuskan untuk memulaukannya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Setiausaha Luar Britain Robin Cook di Singapura semalam bahawa keputusan Eropah baru-baru ini untuk tidak memberi visa kepada para pegawai kanan Myanmar menyebabkan kehadiran mereka pada ASEM sebagai "mustahil".

Kilfoyle berada di sini untuk mempelajari mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Beliau berharap bahawa seperti percanggahan pendapat yang lain, hubungan baik dan mesra akan berterusan, terutama antara Britain dan Malaysia.

Kilfoyle berkata beliau tidak tahu berhubung dengan kenyataan Cook mengenai Myanmar semalam sambil berkata kenyataan Cook mencerminkan pendapat umum sekarang.

Beliau berharap apa-apa percanggahan antara Asean dan Eropah mengenai isu Myanmar "akan diselesaikan". -- BERNAMA

ES FAZ